

# MAJLIS HI-TEA AMAL PERSATUAN VETERAN TUDM

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4180-majlis-hi-tea-amal-persatuan-veteran-tudm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4180-majlis-hi-tea-amal-persatuan-veteran-tudm)

IPOH, 24 Nov 18 – Persatuan Veteran TUDM telah mengadakan Majlis Hi-Tea Amal di Akademi Tentera Udara, Ipoh dan berjaya menghimpunkan seramai 250 veteran TUDM yang pernah berkhidmat di dalam perkhidmatan Tentera Udara satu masa dahulu.

Acara yang julung kali diadakan ini turut diserikan dengan kehadiran Presiden Persatuan Veteran TUDM iaitu Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM (Bersara).

Dalam majlis ini turut diselitkan dengan beberapa acara seperti Pelancaran Kutipan Tabung Rayuan Hari Pahlawan, Pelancaran Persatuan Veteran TUDM serta sumbangan kebajikan kepada waris anggota veteran yang cedera dan meninggal dunia.



